



كِرَاكِيَا نِي كِيَا نِي قِيَا نِي  
**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000  
: 04-774 4010  
Faks : 04-733 0910  
: 04-733 8717  
: 04-774 4578  
: 04-774 4643

8 1521 (6)

Ruj. Kami : ( 5 ) dlm.P.Kw.N(K)1521  
Tarikh : 09 Julai 2014  
11 Ramadhan 1435

**SEMUA KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan

J  
9/7/14

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 4 /2014  
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2014**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri memberi Bantuan Khas Kewangan bagi tahun 2014 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersamaan dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2014.

**2. LATAR BELAKANG**

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam negeri Kedah Darul Aman dalam Gred 1 hingga 54.

**3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman dalam Gred 1 hingga 54 tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk cuti rehat, cuti sakit, hari rehat mingguan dan hari Kelepasan Am dalam tempoh 01 Januari 2014 hingga 02 Julai 2014.

**4. CARA PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan dibayar kepada pegawai yang berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk cuti rehat, cuti sakit, hari rehat mingguan dan hari Kelepasan Am dalam tempoh 01 Januari 2014 hingga 02 Julai 2014.

## 5. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

5.1 Dalam membuat pembayaran ini peraturan – peraturan berikut perlu dipatuhi :-

5.1.1 Bayaran bagi pegawai pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dibawah dimana gajinya dibayar melalui Sistem gaji berkomputer perkara berikut hendaklah dipatuhi :-

- i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan borang Laporan G004.
- ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun Bayaran Bantuan Kewangan dilaporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerimanya seperti yang tersebut didalam Perkeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2014. – Para 7
- iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
  - a) bersara
  - b) meninggal dunia
  - c) Tindakan tatatertib
  - d) Letak Jawatan
  - e) Cuti tanpa Gaji

**Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri; dan**

- iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

**“Dengan ini disahkan bahawa maklumat/data Laporan G004 (termasuk pindaan) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut.”**

**(Tandatangan & Cop Jabatan)**

**dan dihantarkan kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman tidak lewat dari hari Khamis, 10 Julai 2014 jam 12.00 tengahari. Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Kewangan akan dibayar lewat.**

- v. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 bayaran Bantuan Khas Kewangan hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta-merta.

### 5.1.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bantuan Khas Kewangan yang dibayar melalui baucer berasingan hendaklah disertakan Penyata Perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

### 5.1.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Kewangan

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2014 sahaja.

### 5.1.4 Kod Urus Niaga

Kod-kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan adalah seperti berikut:-


KOD SODO	KOD ELAUN (PAYROLL)	PERIHAL
15106		Bayaran Bantuan Khas Kewangan
29306		Bayaran Bantuan Khas Kewangan pekerja Sementara / Sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.

6. Oleh yang demikian pohon kerjasama Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini dan sekiranya mempunyai kemusykilan, sila hubungi Seksyen Emolumen Perbendaharaan Negeri di talian 04-7744638 / 4608 untuk penjelasan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,



**( NAZHATUN BINTI MD. REJAB )**  
Bendahari Negeri  
Kedah Darul Aman

s.k ; Y.B. Dato' Wira Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah  
Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman  
Pengarah Audit Negara, Negeri Kedah